

ID14

## PEMUPUKAN PEMIKIRAN ARAS TINGGI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (Pdpc) BAGI MEMBINA MODUL INSAN BERINOVASI USAHAWAN

(Kajian KBAT/HOTS dalam subjek sejarah)

Ramli Saadon & Khairi Ariffin

### ABSTRAK

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 satu perkara penting yang menjadi prasyarat pembangunan modal insan di Malaysia adalah keupayaan menjana kemahiran berfikir aras tinggi ataupun singkatannya KBAT. Aspek ini sangat penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan setaraf dengan negara yang bersatus maju. Oleh itu kajian ini berhasrat untuk mengemukakan keperluan terhadap pelbagai aspek penting yang perlu disediakan di peringkat sekolah khususnya guru-guru yang melaksanakan PdPc di bilik darjah. Tanpa melihat keperluan tersebut, guru-guru biasanya mengekalkan kaedah pengajaran secara tradisonal. Peringkat pentingnya kemahiran pemikiran aras tinggi adalah keperluan yang perlu wujud dalam minda pelajar bagi mencapai aras taksonomi yang melibatkan tindakan menganalisis, menilai dan juga merekacipta. Oleh itu, lahirnya modal insan berkualiti pada masa hadapan adalah dalam kalangan mereka yang berinovasi dan mampu mencari jalan dalam penyelesaian masalah yang dihadapi. Aspek inilah yang kurang dimiliki dalam kalangan pelajar yang tamat persekolahan untuk memenuhi pasaran buruh di Malaysia. Implikasi kajian ini membolehkan kalangan pelajar yang menjadi tenaga kerja perlulah berjiwa usahawan dan negara tidak lagi terlalu bergantung kepada tenaga kerja dari luar. PdPc di bilik darjah adalah aspek terpenting bagi membina modal insan berkemahiran dalam pemikiran aras tinggi.

**Kata Kunci:** aras tinggi, modal insan, inovasi, PdPc

*In the Education Development Blueprint 2013-2025 one of the important things that is a prerequisite for the development of human capital in Malaysia is the ability to generate high-level thinking skills or the abbreviation KBAT. This aspect is very important in making Malaysia a developed and equal country with a developed nation. Therefore, this study aims to present the need for various important aspects that need to be made at the school level, especially the teachers who implement PdPc in the classroom. In view of these needs, teachers usually maintain traditional teaching methods. The importance of high-level thinking skills is the need to exist in the minds of students to achieve a taxonomic level that involves analyzing, evaluating and creating inventories. Hence, the emergence of quality human capital in the future is among those who are innovating and able to find a way to solve the problems faced. This aspect is lacking amongst students who graduate from school to meet the labor market in Malaysia. The implications of this study allow the students who become labor to be entrepreneurial spirit and the country is no longer dependent on external labor. PdPc in the classroom is the most important aspect of building a skilled human capital in high-level thinking.*

**Keywords:** high level, human capital, innovation, PdPc

## PENGENALAN

Subjek sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia menjadi subjek penting atas faktor perpaduan yang perlu dibina bagi menghasilkan masyarakat yang berpadu dan harmoni. Sebelum Malaysia (Tanah Melayu) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, subjek sejarah diajar di sekolah-sekolah vernakular sebagai subjek yang banyak menceritakan kejayaan negara penjajah. Subjek sejarah difahamkan sebagai subjek hafalan dan kalangan murid yang belajar sejarah perlu mempunyai kebolehan menghafal bagi memastikan fakta-fakta sejarah dapat diingati. Subjek sejarah di Malaysia mengalami pelbagai cabaran kerana terdapat pelbagai pandangan atau persepsi bahawa mata pelajaran ini dianggap kurang bernilai ekonomi dan lebih kepada meninggikan satu kelompok masyarakat sahaja. Oleh itu dalam sistem pendidikan di Malaysia, subjek sejarah diajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan menengah atas. Di peringkat sekolah rendah, pernah subjek sejarah digabungkan dengan subjek Kajian Tempatan dan juga disisipkan dalam mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan. Namun pada tahun 2014 berlaku lembaran baru apabila subjek sejarah diajar sebagai subjek yang tidak digabungkan dengan komponen-komponen lain.

## PERNYATAAN MASALAH

Subjek sejarah seringkali menarik minat masyarakat untuk membuat pelbagai kritikan disebabkan Malaysia mengamalkan konsep masyarakat integrasi dan bukan asimilasi. Hal ini demikian kerana setiap masyarakat mempunyai hak untuk menyuarakan aspek-aspek berkaitan dengan sejarah Malaysia. Sebelum tahun 2014, subjek sejarah lebih dilihat kepada usaha mengemukakan fakta-fakta setelah mempelajari sesuatu tajuk sejarah. Namun pada tahun 2014, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah melakukan transformasi pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menekankan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau singkatannya (KBAT/HOTS) dan dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai HOTS (*High Order Thinking Skills*). Pemikiran Aras Tinggi diharapkan dapat membina masyarakat yang berupaya untuk berfikir dalam konteks global bagi menyelesaikan pelbagai isu dalam kehidupan individu, masyarakat dan juga negara. Oleh itu subjek sejarah cuba dilihat sebagai subjek yang menarik kerana sejarah dapat meramalkan masa depan berasaskan masa lepas berasaskan kepada fakta-fakta.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat merungkai pelbagai isu berkaitan dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam dokumen yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

1. Menilai kandungan subjek sejarah dan kesesuaian pengaplikasian konsep KBAT/HOTS pada tahap dua melalui buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Menganalisis pelbagai konsep KBAT/HOTS melalui bahan-bahan yang terkandung dalam buku teks sejarah tahap dua dan sekolah menengah
3. Membincangkan pencapaian pelajar yang berkaitan dengan KBAT/HOTS dalam subjek sejarah di Malaysia.

## SOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah kandungan buku teks sejarah dapat diaplikasikan dengan HOTS/KBAT?.
2. Sejauh manakah HOTS/KBAT dapat diaplikasikan berasaskan bahan-bahan yang terdapat dalam buku teks sejarah di sekolah menengah dan rendah?.
3. Setakat manakah pencapaian dalam pengaplikasian konsep HOTS /KBAT dapat dijelaskan?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji hanya menumpukan kepada analisis dokumen khususnya dokumen yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokumen tersebut berbentuk surat pekeliling dan juga pelbagai surat arahan dalam melaksanakan pengajaran sejarah di sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Dokumen tersebut ditafsir dan dianalisis bagi mengemukakan pelbagai konsep pengaplikasian HOTS/KBAT dalam subjek sejarah.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini lebih menjurus kepada melihat pelaksanaan dan amalan dalam bilik darjah khususnya dalam pengajaran sejarah. Kajian ini jika dilaksanakan berupaya untuk melihat pelbagai amalan konsep KBAT/HOTS diaplikasikan di bilik darjah. Namun pengkaji berasaskan skop kepada menganalisis dokumen perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum kajian secara kuantitatif dilakukan. Oleh itu kajian inui hanya dilakukan melalui pelbagai analisis dokumen untuk melihat asas-asas keupayaan dasar bagi mencapai matlamat ke arah pelajar berkemahiran untuk berfikir aras tinggi khusus dalam subjek sejarah.

## KERANGKA KONSEPTUAL

Transformasi kurikulum pendidikan Malaysia iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah berjalan mulai tahun 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan dilaksanakan bermula pada tahun 2017 sebagai persediaan melahirkan pelajar berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Di Malaysia, usaha melonjakkan taraf pendidikan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, para pelajar diharapkan dapat diterapkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi bagi melahirkan modal insan bertaraf dunia. Persoalan penting yang menghantui sistem pendidikan di Malaysia ialah lahirnya generasi yang hebat dalam peperiksaan tetapi kurang berupaya dalam pembangunan diri yang dapat menentukan kemajuan diri, masyarakat, agama dan juga negara. Ini dapat dinilai dengan pergantungan kalangan graduan yang keluar daripada institusi pengajian tinggi yang masih mengharapkan pihak kerajaan dan swasta menyediakan pekerjaan, sedangkan perubahan ekonomi memerlukan para graduan berupaya menilai diri untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang terbuka luas. Oleh yang demikian seringkali pelbagai isu timbul dalam usaha menjadikan rakyat Malaysia yang keluar daripada sistem pendidikan tidak berupaya untuk menyelesaikan masalah walaupun telah melalui sistem pendidikan di peringkat rendah, menengah dan juga tinggi.

## **SUBJEK SEJARAH DI MALAYSIA**

Di Malaysia, subjek sejarah menjadi subjek teras yang wajib di pelajari di peringkat sekolah menengah. Namun pada tahun 2014, subjek sejarah menjadi subjek yang berdiri sendiri di peringkat sekolah rendah. Situasi ini telah berjaya menaikkan martabat subjek sejarah yang pada mulanya bergabung dengan subjek tertentu seperti Alam dan Manusia dan juga Kajian Tempatan. Terdapat pelbagai isu yang menyebabkan perlunya subjek Sejarah terus diajar bermula di sekolah rendah. Antaranya ialah sebagai sebuah negara berbilang kaum, aspek-aspek kenegaraan dalam usaha membina sikap patriotik harus bermula di peringkat rendah. Bagi sekolah aliran jenis kebangsaan seperti Cina dan Tamil, subjek Sejarah diajar dalam bahasa ibunda, namun kandungannya sama.

## **DAPATAN KAJIAN**

Melalui dokumen yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sejarah dikenali sebagai Dokumen Standard Pengajaran dan Pembelajaran. Dokumen ini bertujuan memandu guru agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan pemerinkatan ataupun Taksonomi Bloom. DSKP KPM (2014)

*Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai Tahun 4 di tahap II. Ini bertujuan menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah di peringkat awal agar murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran sejarah*

Subjek Sejarah seringkali menjadi isu hangat kerana isi kandungannya mengandungi aspek-aspek sensitif antara kaum dan juga pelbagai etnik yang lain. Namun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui dokumen yang dikaji, jelas berusaha untuk memperlihatkan asas untuk menjadikan warganegara Malaysia mempunyai kesepaduan sosial dan juga integrasi nasional yang kukuh. Dalam konteks kandungan subjek Sejarah, fokus utamanya membincangkan tentang pengenalan ilmu sejarah dan identitinya, sejarah awal negara dan warisannya serta kedaulatan dan kejayaan Negara.

## **LATIHAN PERGURUAN DI MALAYSIA**

Di Malaysia, latihan guru dibuat secara berpusat dan mempunyai kurikulum yang ditentukan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia ataupun di peringkat universiti. Pelaksanaan HOTS/KBAT pada tahun 2014 tidak memungkinkan semua guru mendapat latihan yang mencukupi dalam melaksanakan KBAT/HOTS. Oleh itu pihak pejabat pendidikan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri telah mengadakan pelbagai kursus bagi membolehkan HOTS/KBAT dapat difahami oleh guru-guru di seluruh negeri-negeri di Malaysia sebelum mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp). Proses ini biasanya diikuti dengan latihan dalam kumpulan yang dijalankan di peringkat sekolah. Aspek penting adalah pelaksanaan KBAT/HOTS bukan perkara mudah kerana keupayaan taksonomi dalam pengajaran amat diperlukan oleh guru. Di samping itu guru yang berupaya melaksanakan KBAT/HOTS tentulah guru yang membuat kajian terhadap keupayaan muridnya untuk mencapai tahap merekacipta ataupun inovasi. Melalui kajian terhadap sekolah-sekolah secara rawak didapati guru-guru masih banyak memberi alasan lama sebagai kekangan terhadap kurikulum sejarah dan juga masa yang diperuntukan terhadap subjek sejarah.

## **Penggunaan Buku Teks Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah dalam Usaha Melonjakkan KBAT/HOTS dalam kalangan murid.**

Buku teks adalah dokumen penting dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia membina konsep KBAT/HOTS dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah. Pengkaji hanya membuat penelitian terhadap kandungan buku teks dan membuat tafsiran bagi menilai keupayaan HOTS agar dapat dilaksanakan di Malaysia. Dalam kurikulum Sejarah di peringkat sekolah rendah bagi tahap II, isi kandungannya menekankan aspek berikut.

### **Kandungan Kurikulum Sejarah di Malaysia**

<b>TAHAP II</b>	<b>TEMA</b>
TAHUN 4	SEJARAH AWAL NEGARA
TAHUN 5	KEDAULATAN NEGARA
TAHUN 6	KEMAKMURAN NEGARA KITA
TINGKATAN 1	SEJARAH KITA DAN DUNIA
TINGKATAN 2	WARISAN NEGARA
TINGKATAN 3	KEDATANGAN KUASA ASING
TINGKATAN 4	PEMBINAAN NEGARA
TINGKATAN 5	MALAYSIA DAN MASA DEPAN

**Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia 2014**

Melalui isi kandungan buku teks yang disusun sedemikian rupa, diharapkan melalui subjek Sejarah, guru-guru dapat menampilkan ciri-ciri pelajar atau murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi mengikut tahap-tahap pemahaman yang harus dicapai ketika melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap-tahap pemahaman tersebut perlu meliputi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Apa yang menarik ialah, pengenalan KSSR dan KSSM oleh Kementerian Pelajaran Malaysia memperlihatkan usaha yang lebih realistik untuk mencapai standard yang dikehendaki dalam pengajaran sejarah. Terdapat enam tahap penguasaan yang perlu dicapai oleh murid dalam usaha menggerakkan KBAT/HOTS. Penguasaan tersebut meliputi perkara berikut,

- Tahap Penguasaan 1 - Murid mengetahui
- Tahap Penguasaan 2 - Murid memahami
- Tahap Penguasaan 3 - Murid boleh menerang
- Tahap Penguasaan 4 - Murid boleh menghubungkait
- Tahap Penguasaan 5 - Murid boleh membuat penilaian
- Tahap Penguasaan 6 - Murid boleh menzahirkan idea

Dalam konteks ini dokumen yang sebegini terancang besar kemungkinan hanya akan tinggal dokumen sahaja kerana terdapat faktor guru yang amat dominan bagi menggerakkan KBAT/HOTS dalam konteks mata pelajaran sejarah. Jika dilihat melalui jumlah pelajar tingkatan empat yang dikumpulkan hampir seramai 150 orang, aspek KBAT/HOTS melalui pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak dapat dijelmakan sebagai usaha membina inovasi yang sepatutnya wujud dalam pemikiran pelajar.

### **KONSEP KBAT/HOTS DALAM PENDIDIKAN**

Dalam usaha membina kemahiran berfikir aras tinggi berasaskan subjek sejarah, kita hendaklah melihat makna sejarah itu sendiri sebagai peristiwa masa lepas. Dalam disiplin sejarah, kebenaran tentang sesuatu peristiwa sejarah adalah berasaskan fakta. Seperti yang diketahui umum, perbincangan berkaitan fakta tentulah terhad. Namun hal ini dapat diatasi dengan kekuatan dalam disiplin sejarah iaitu aspek tafsiran yang berasaskan fakta. Oleh itu, dalam konteks ini terdapat kekuatan terhadap subjek sejarah dalam usaha membina kemahiran berfikir aras tinggi. Rajendran (2013) menyatakan,

*That is, besides being able to exhibit an in depth knowledge of their discipline, function in ways that involves effective, creative, analytical and practical use of that knowledge*

Dalam usaha membina kemahiran berfikir aras tinggi, kekuatan dalam subjek sejarah ternyata amat memberangsangkan. Hal ini disebabkan KBAT/HOTS dalam sejarah mahukan murid atau pelajar mentafsir sesuatu fakta dengan bahan-bahan sokongan lain bagi menguji sesuatu fakta. Oleh itu terdapat lingkungan multi disiplin dalam menjelaskan kekuatan sesuatu peristiwa dalam sejarah. Pelajar atau murid berupaya membuat rumusan berkaitan dengan sesuatu peristiwa berasaskan isu yang dikaji. Dalam konteks ini, aspek eksplisit yang dapat dilihat dalam tingkah laku murid ialah pada tahap lima (membuat penilaian) dan enam (menzahirkan idea). Asas pengetahuan yang ada adalah mengenali fakta-fakta sejarah sebelum lonjakan kemahiran berfikir aras tinggi dilakukan. Dalam konteks ini pengajaran sejarah masih berada pada tahap pemikiran tradisonal iaitu menghimpunkan fakta-fakta penting dan berusaha memaksa pelajar untuk mengingati fakta-fakat tersebut untuk diluahkan semula bagi tujuan ujian dan peperiksaan. Namun begitu ketiadaan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan tentang prestasi murid yang mampu mencapai KBAT/HOTS dalam mengemukakan jawapan sejarah di peringkat Sijil pelajaran Malaysia menyebabkan perkara kurang dibincangkan.

## **TAKSONOMI DALAM PENGAJARAN**

*Anderson dan Krathwohl (2001)* memberi penekanan terhadap objektif pengajaran bagi membina keupayaan murid untuk mencapai KBAT. Beliau menekankan “ *In life objectives help us to focus our attention and our efforts, they indicate what we want to accomplish. In education , objectives indicate what we want students to learn.* Oleh dalam usaha mencapai kalangan pelajar mencapai KBAT buanlah suatu yang mudah kerana guru mesti membina objektif berdasarkan taksonomi yang boleh mencapai KBAT. Apa yang berlaku pada hari ini secara umum guru hanya menggunakan slogan KBAT dan tidak dapat membuktikan apa yang telah dicapai oleh pelajarnya dalam konteks KBAT mengikut subjeknya. Bagi subjek sejarah ternyata daripada seratus lima puluh pelajar tingkatan empat yang dijadikan subjek kajian melalui aktiviti bertulis berasakan soalan sejarah hanyalah mencapai tahap taksonomi yang paling rendah iaitu pengetahuan yang sifatnya kurang tersusun. Apa yang memeranjatkan adalah kalangan pelajar di samping tidak menguasai fakta tetapi sering menyebut bahawa KBAT itu penting seperti yang dinyatakan oleh guru sejarah. Namun begitu apabila pengkaji megemukakan rajah yang memberi gambaran Proses Kognitif dan Dimensi Pengetahuan yang melibatkan taksonomi seperti mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan merekacipta, kalangan pelajar ini langsung tidak terfikir bahawa subjek sejarah adalah subjek yang boleh dilihat sebagai subjek yang menggambarkan pencapaian aras taksonomi kerana sejarah adalah hasil tindakan manusia pada masa lepas. Dalam usaha membina HOTS/KBAT dalam subjek sejarah terdapat lima perkara yang dinyatakan dalam DSKP iaitu,

- 1.Memahami Kronologi
- 2.Meneroka bukti
- 3.Membuat interpretasi
- 4.Membuat imaginasi
- 5.Membuat rasionalisasi

Lima aspek yang dinyatakan dalam DSKP sebenarnya merujuk kepada taksonomi yang perlu dikuasai oleh murid. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kajian terhadap seratus lima puluh pelajar yang berada di tingkatan empat menunjukkan mereka hanya mempunyai pengetahuan sejarah yang sifatnya tidak tersusun. Oleh itu bagi menggerakkan fakta tersebut guru-guru yang terlibat dalam pengajaran di bilik darjah besar



kemungkinan tidak mempunyai kemahiran dalam aras taksonomi yang melibatkan proses aplikasi dalam menjadikan fakta sejarah mencapai tahap lima aspek penting dalam kemahiran pemikiran sejarah. Proses HOTS/KBAT dalam konteks sejarah mesti bermula dengan kemahiran menguasai fakta sebagai pengetahuan dan berasaskan pengetahuan tersebut para pelajar mesti tahu tahap fakta tersebut. Situasi ini dikenali dengan keupayaan pengetahuan yang melibatkan,

1. Mengingat fakta tersebut
2. Memahami fakta tersebut

Dalam pengajaran sejarah dua aspek ini biasanya berlaku dalam bilik darjah. Namun aspek memahami fakta tersebut kurang diberi penekanan. Antara perkara penting bagi membolehkan HOTS/KBAT dicapai, pengetahuan yang difahami oleh murid dan pelajar perlu diberi pengelasan seperti berikut,

1. Fakta sejarah boleh diberi interpretasi
2. Fakta sejarah perlu dikemukakan contoh.
3. Fakta sejarah perlu dibuat pengelasan
4. Fakta sejarah boleh dijelaskan melalui ringkasan
5. Fakta sejarah dibuat kesimpulan
6. Fakta sejarah dibuat perbandingan
7. Fakta sejarah dibuat penerangan

Aspek ini jarang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran sejarah. Secara majoriti guru sejarah terus menyusun fakta ataupun menyenaraikan fakta bagi tujuan diingat. Dalam pengajaran sejarah aspek penyolan sangat penting. Oleh itu proses mengingat fakta lebih kepada desakan ataupun paksaan. Ini seringkali membawa kebosanan kepada pelajar kerana terdapat tekanan yang agak melampau dalam mengingati fakta. Melalui soal jawab yang terancang guru-guru sejarah seharusnya membina kemahiran dalam penguasaan fakta melalui,

1. mengenalpasti sesuatu fakta (*identifying*)
2. mengingat semula (*retrieving*)

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah asas pengajaran sejarah perlu kukuh khususnya pengetahuan guru tentang sesuatu fakta sejarah. Oleh itu pandangan bahawa mengajar sejarah boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja patut tidak lagi berlaku. Subjek sejarah amat menarik kerana segala aspek taksonomi yang dijelaskan dalam tahap penguasaan dalam DSKP wujud dalam pelajaran sejarah. Apa yang penting adalah melihat sejarah untuk kegunaan dan juga ramalan masa depan. Oleh itu segala inovasi dalam sejarah perlu dinilai oleh para pelajar bagi membolehkan KBAT/HOTS dapat dibina dalam kalangan pelajar. Berikut ialah dapatan kajian hasil pengajaran guru berkaitan dengan Bab 5 Tingkatan Empat yang bertajuk Pengislaman di Madinah. Pengkaji telah mengajar tajuk ini terlebih dahulu melalui taksonomi yang melibatkan Dimensi Pengetahuan dan juga Proses minda yang menekankan kepada proses kognitif.

Ringkasan pengajaran selama satu jam, bilangan pelajar 150 orang. Terdiri daripada kelas sains dan sastera biasa. Komposisi kaum terdapat orang Melayu, Cina, India dan orang asli.

Langkah 1 – Memberi penerangan tentang gambaran seluruh tajuk tersebut. Ada perbincangan dan soal jawab. Ramai yang bertanya mengenai aspek-aspek tertentu yang terkandung dalam tajuk itu. Guru bertindak dengan bercerita mengenai tajuk tersebut. Pelajar terdiam seketika kerana cara guru bercerita menggunakan intonasi dan contoh-contoh tertentu. (Proses ini memakan masa 30 minit)

Langkah Kedua – Berfokus kepada tajuk Hijrah yang terkandung dalam buku teks sejarah tingkatan 4. Guru memberi murid tugas mengemukakan fakta melalui Dimensi Pengetahuan dengan cara membina kata kunci fakta yang diperolehi daripada tajuk hijrah.

Langkah Ketiga – Proses menguasai fakta diteruskan kepada kepentingan hijrah berasaskan sebab dan tujuan hijrah.

Guru meminta murid melihat grafik taksonomi bagi membolehkan fakta-fakta yang diperolehi mencapai tahap KBAT/HOTS. Pada tahap ini kebanyakan murid tidak berani mencuba untuk mengaplikasikan fakta yang ditemui hasil pengetahuannya mempelajari peristiwa hijrah. Pengkaji yang bertindak sebagai guru memerhatikan murid bahawa aplikasi KBAT/HOTS menjadikan murid mula berfikir makna fakta yang dipelajari. Berikut ialah ujian yang diberikan kepada pelajar seramai 150 orang untuk mereka dinilai dalam pemikiran aras tinggi. Soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut,

*Peristiwa Hijrah merupakan peristiwa penting dalam perjuangan Nabi Muhammad SAW dan perkembangan Islam*

*Soalan 1*

Jelaskan konsep hijrah.(4 markah)

*Soalan 2*

Mengapakah Nabi Muhammad SAW dan umat Islam berhijrah? (6 markah)

*Soalan 3*

- a. *Hijrah menjadi titik tolak kepada pembentukan negara Islam Madinah (6 markah)*
- b. *Berikut adalah lirik lagu nasyid sempena majlis sambutan Maal Hijrah di Malaysia.*
  - *Hijrah itu pengorbanan*
  - *Hijrah itu perjuangan*
  - *Hijrah itu persaudaraan*
  - *Hijrah membentuk perpaduan*

*Ulas maksud lirik lagu tersebut.(4 markah)*

Berasaskan soalan tersebut, aspek KBAT/HOTS berada pada soalan 2 dan soalan 3. Soalan 1 lebih kepada aras pengetahuan yang secara umumnya pelajar perlu mengingat dan memahami. Melalui pengajaran, pengkaji telah mengemukakan aplikasi Nabi Muhamad SAW dalam menyelesaikan masalah setelah agama Islam disebarkan secara terbuka. Oleh itu hijrah sebagai “*Problem Solving*” dan sebagai penemuan baru yang secara umumnya membawa impak yang besar terhadap perkembangan Islam. Ketika proses aplikasi dibincangkan dalam Pdpc, tidak ramai pelajar yang berani *respon* terhadap soalan guru. Soalan berkaitan dengan konsep hijrah secara purata hamper 80 peratus pelajar dapat mengemukakan konsep yang agak mudah. Faktor ini lebih kepada hafalan terhadap fakta asas yang menjadi kebiasaan ketika mempelajari subjek sejarah. Namun begitu bagi soalan 2 hanya lebih kurang 15 peratus mencuba untuk mengemukakan fakta dan melakukan pemikiran aras tinggi. Hampir 85 peratus hanya mengulang fakta semula dengan huraian yang sukar difahami.

1. Apa tekanan yang Nabi hadapi ketika agama Islam disampaikan secara terbuka, pelajar diminta menyenaraikan fakta-fakta asas. Ketika ini sebahagian pelajar terpaksa merujuk semula buku teks walaupun mereka sudah mempunyai pengetahuan mengenai hijrah.



2. Bagaimana Nabi menyelesaikan masalah ini. Soalan ini sukar dijawab kerana para pelajar tidak mempunyai proses kognitif bahawa sejarah adalah sesuatu tindakan yang telah berlaku. Para pelajar hanya berusaha mengumpul fakta tetapi tidak mampu menganalisis dan menilai fakta itu sendiri. Dalam konteks inovasi Nabi sebenarnya telah menyediakan satu konsep bernegara kerana melalui peristiwa hijrah terbentuklah sebuah Negara Islam di Madinah.
3. Pecahan lirik lagu sepatutnya digunakan fakta asas untuk melihat impak kepada hijrah yang menjadikan negara kita mampu menjadi sebuah negara berbilang bangsa tetapi maju sekiranya aspek-aspek yang terkandung dalam lagu itu dapat dijelaskan mengikut realiti hari ini. Berasaskan kajian ini, pengkaji sendiri merasakan para guru mengalami pelbagai kesukaran dalam membina KBAT/HOTS ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## ISU PENGAJARAN

Pandangan klasik mengenai sejarah ialah subjek sejarah senang diajar kerana hanya melibatkan pembacaan sahaja. Ramai yang berpendapat bahawa subjek Sejarah adalah subjek hafalan dan tidak banyak perkara yang boleh dijadikan asas oleh murid dalam menonjolkan kemahiran berfikir aras tinggi dan lebih-lebih lagi kepercayaan masyarakat terhadap subjek sejarah sebagai mempelajari benda-benda yang telah mati. Namun pandangan ini berubah dengan agak drastik di Malaysia apabila sejarah dijadikan subjek wajib dan subjek teras. Dengan itu bermulalah subjek Sejarah diajar sebagai subjek yang berdiri sendiri dan menggunakan disiplin sejarah. Kejayaan dasar ini amat baik kepada pembangunan di Malaysia atas faktor sejarah perlu dipelajari kerana corak sejarah Malaysia yang berasaskan kepelbagaian kaum. Ia menjadi lebih kompleks bagi sejarah di semenanjung berbanding dengan Malaysia Timur. Oleh itu sejarah membuka ruang untuk murid-murid sedar dan diharap mampu membina premis tentang perjalanan sejarah Malaysia yang penuh dengan liku-liku yang perlu diberi penilaian yang sewajarnya. Dalam konteks membina KBAT/HOTS, asas penting adalah melalui dokumen yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu kefahaman guru terhadap dokumen tersebut dan diharapkan dokumen tersebut dapat memberi kefahaman yang jitu kepada guru agar berjaya dalam pdp (pengajaran dan pemudahcaraan) di bilik darjah. Namun terdapat isu besar bahawa guru yang dididik melalui hafalan dan kelulusan yang banyak berasaskan hafalan mungkinkah mampu melonjakkan pdp ke peringkat KBAT/HOTS? Oleh itu kajian secara kuantitatif perlu dilakukan untuk melihat kekuatan pelaksanaan KBAT/HOTS dalam pengajaran sejarah di Malaysia. Asas pendokumenan wajar diberi pujian dalam menentukan matlamat dan hal tuju KBAT/HOTS dalam sejarah namun hasil atau *output* wajar dinilai setelah kohort pelajar sampai pada tahap penghujung pendidikan wajib di Malaysia iaitu sehingga tingkatan lima.

## GURU SEJARAH

Di Malaysia, guru sejarah dipilih secara khusus ataupun melalui pengalaman dalam pengajaran. Terdapat dua jenis pusat latihan guru di Malaysia. Pertama di peringkat universiti dan juga Institusi Pendidikan Guru. Pada kebiasaannya di peringkat sekolah rendah, guru-guru sejarah dikeluarkan oleh Institut Pendidikan Guru, manakala di peringkat sekolah menengah biasanya dihasilkan oleh universiti yang menawarkan kursus sejarah ataupun sains politik. Yang kedua ialah latihan guru itu memerlukan kelulusan ijazah asas. Isu yang timbul adalah adakah kalangan guru tersebut sedar dan peka dengan falsafah sejarah untuk melonjakkan pemikiran pelajar bagi mencapai tahap KBAT/HOTS? Falsafah sejarah menekankan kefahaman terhadap masa lepas yang perlu diketahui bagi seseorang itu untuk bergerak ke masa hadapan. Seringkali kalangan guru sejarah hanya mempraktik

dan menggunakan ilmu melalui kandungan sejarah sahaja dan kurang kepada isu wacana falsafah sejarah. Persoalan penting adakah mampu guru sejarah mencapai KBAT dalam pengajaran sejarah?. Sebenarnya agak sukar dalam usaha guru sejarah dalam melonjakkan pemikiran murid tanpa pengetahuan dan asas yang kukuh dalam bidang falsafah sejarah ataupun jika boleh dikatakan sebagai psikologi sejarah. Rajendren (2013) menyatakan

*It was not until the mid-nineteenth century that scholars viewed the human mind as a working mechanism with underlying operation that could be studied from a psychological perspective. In contrast, the roots to the philosophical interest in thinking reach back to the classical period. In the Western World, philosophy preceded by at least 2,000 years the growth of what we now call psychology. To think or reason, according to early philosophers, was to take the stance of the objective and contemplative spectator and, in doing so, to discover the truth.*

Berasaskan doumen KBAT/HOTS, tidak terdapat idea pengilmuan guru agar mereka berupaya mencapai matlamat dalam melonjakkan pemikiran pelajar ke arah pemikiran aras tinggi. Nampaknya taklimat yang diberikan lebih kepada prosedur dalam melaksanakan KBAT/HOTS dalam pengajaran sejarah. Oleh itu kajian secara kuantitatif perlu dijalankan dalam tempoh selepas lima tahun murid sekolah rendah mengikuti subjek sejarah yang berasaskan KBAT/HOTS. Aspek-aspek KBAT/HOTS dalam sejarah perlu diuji bagi melihat tahap penguasaan yang diharapkan kepada murid selepas mempelajari subjek Sejarah. Sebenarnya setiap subjek mempunyai konsep yang berbeza. Oleh itu asas KBAT/HOTS perlulah diteliti terlebih dahulu bagi menentukan lonjakan idea kepada murid-murid tercapai. Dapatan kajian juga mendapati kalangan guru-guru sejarah yang terlatih perlu digerakkan semula penggunaan Rancangan Pengajaran agar mereka jelas tentang usaha melaksanakan KBAT/HOTS dalam tempoh pengajaran sejarah. HOTS/KBAT tidak boleh dikempenkan sahaja. Para guru mesti berupaya membuktikan bahawa hasil jawapan murid (*evidens*) mesti dianalisis untuk mengetahui bahawa proses kognitif murid telah mencapai KBAT/HOTS

## **PENUTUP**

Kajian awal ke atas dokumen KBAT/HOTS bagi pelaksanaan subjek sejarah bukanlah lengkap dan tidak dapat dinilai untuk pelbagai aspek KBAT/HOT. Hal ini juga bergantung kepada cara seseorang guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Sejarah agar dapat melahirkan pelajar dan murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian awal yang dilakukan diharap dapat merintis kepada kajian seterusnya tentang aspek KBAT dan menjadi topik perbincangan utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perlu disadari guru mestilah berkemahiran dalam kandungan dan juga amalan pedagogi bagi membolehkan murid dididik kepada cara berfikir yang melepasi aras biasa. Oleh itu setiap subjek berkemungkinan berbeza dalam mendidik pelajar ke arah KBAT/HOTS. Perkara asas ialah system pendidikan perlu melahirkan kalangan generasi yang berjiwa usahawan kerana terdapat pelbagai ruang dan peluang dalam kehidupan khususnya bidang politik, ekonomi dan juga sosial.

**BIBLIOGRAFI**

Amanda Credaro, *Innovation and Change in education*, Warrior Librarian, 2000

Anuar Ahmad, Siti Haisah Abd Rahman, Nur Atiqah, Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah, *Jurnal Pendidikan* 2009. in the classroom, Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development, 1994

Bloom, Benjamin S., et. Al, *Taxonomy of Educational Objective, Handbook 1, Cognitive Domain*, London, Longman, 1956.

Campbell, M, *A Multiple intelligence: Road to on ELT classroom*, Wales Crownhouse Publishing Limited, 1998

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Tahun 4,5 dan 6.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah, Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Tingkatan 1 hingga 2

Edy Purwanto, M.Si, *Metodologi Penelitian Kuantitatif*, Pustaka Fajar, Yogyakarta, Indonesia, 2016

Lorin W. Anderson and David R.Krathwohl, *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing*, New York 2001.

Moore, K.D. *Classroom teaching skill*, Boston, McGraw Hill, 2001.

Ian Philips, *teaching History, Developing as a Reflective Secondary Teacher*, SAGE, London, 2008.

Schuyler, G. '*A Paradigm Shift from Instruction to Learning*, ERIC Digest, ED 41496, 1999

Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai, Penerbit UTM, 1999

N.S. Rejenderan, *Higher-Order Thinking Skill*, Penerbit UPSI, 2013

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, KPM, 2013

Pusat Perkembangan Kurikulum, *Aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran*, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001

Reinhartz, J. and Beach, D.M. *teaching and learning in the elementary school, Focus on curriculum*, New Jersey, 1998.

Shulman, L, *Knowledge and teaching: foundation of the new reform*, Harvard Educational Review, 1987

Zahara Aziz, Nurliah Jair, *Penggunaan Peta Konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi pelajar tingkatan 2*, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2009.